

19 FEB 1999

KENINGAU CIPTA TAMAN KHAS BUAT PERDANA MENTERI

KENINGAU, 19 Feb (Bernama) -- Daerah Keningau di Sabah hari ini memberi penghormatan besar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menawarkan sebuah taman khas untuk memperingati kunjungan Perdana Menteri ke daerah itu.

Taman itu dinamakan 'Taman Datuk Seri Dr Mahathir' sempena nama pemimpin yang disayangi oleh penduduk Keningau, kata Datuk Joseph Kurup, presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) di majlis pemimpin bersama rakyat di sini, hari ini, yang dihadiri oleh Dr Mahathir sendiri.

Di negara lain terutamanya di Barat, terdapat tradisi yang mana penduduk sesebuah bandar memberikan sebuah anak kunci kepada pemimpin yang mereka sayangi dan pemimpin itu menjadi pemastautin utama di bandar itu, kata Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Sumber dan Perusahaan negeri.

"Tetapi selaras dengan adat tradisi bagi kami di daerah pedalaman ini, kami mendirikan taman ini sebagai tanda penghormatan dan penghargaan terhadap lawatan yang amat berhormat Datuk Seri (Dr Mahathir) ke daerah pedalaman ini," kata Kurup.

Beliau berkata penawaran taman itu adalah simbol penerimaan Dr Mahathir sebagai anak yang utama daerah Keningau dan berharap Perdana Menteri menerima penduduk Keningau sebagai anggota keluarga beliau.

"Adalah menjadi kebiasaan adat kami bahawa sebagai anak nombor satu, yang amat berhormat Datuk Seri menjaga keluarga dengan sering berkunjung ke sini," katanya.

Kurup kemudian mengakhiri ucapannya itu dengan mempersembahkan dua pantun empat kerat kepada Perdana Menteri.

Anak dagang pulang negeri;
Singgah sebentar di Kuala Tomani;
Terima kasih YAB Datuk Seri;
Kerana sudi bersama kami.

Baju batik berwarna warni;
Dipakai oleh anak penghulu;
Walaupun Kami Jauh Di Sini;
Mohon Datuk Seri Kenang Selalu;

-- BERNAMA

MK HAK PR